

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN]

SOALAN

YB DATUK RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dokumen pengenalan diri termasuk kad pengenalan yang dilaporkan musnah dalam insiden-insiden kebakaran yang berlaku di Sabah sejak tahun lalu dan sejauh mana dokumen-dokumen ini telah selesai diganti oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Berdasarkan rekod dari 01 Januari 2018 sehingga 31 Mei 2019, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 88 permohonan gantian Kad Pengenalan (MyKad) dan 1,753 permohonan cabutan Sijil Kelahiran yang dikemukakan kerana kemusnahan dokumen dalam kebakaran di negeri Sabah. Kesemua pengeluaran dokumen telah diselesaikan melalui perkhidmatan kaunter dan program turun padang (*outreach*) JPN Negeri Sabah.